JABATAN INSOLVENSI MALAYSIA

---

ARAHAN KETUA PENGARAH INSOLVENSI

BIL. 1/2026

---

# TATACARA BERKAITAN BUKTI HUTANG ("POD") DALAM PROSIDING PENGGULUNGAN SYARIKAT DI BAWAH SEKSYEN 523 AKTA 777 DAN ATURAN 78 KAEDAH 1972

Diedarkan kepada:

Timbalan Ketua Pengarah Insolvensi
Pengarah Insolvensi Bahagian
Pengarah Insolvensi Negeri
Timbalan Pengarah Insolvensi
Penolong Kanan Pengarah Insolvensi
Penolong Pengarah Insolvensi
Pegawai Insolvensi Utama
Ketua Cawangan
Pegawai Insolvensi

JABATAN INSOLVENSI MALAYSIA
ARAHAN KETUA PENGARAH INSOLVENSI BIL..1/2026

Timbalan Pegawai Penerima
Penolong Kanan Pegawai Penerima
Penolong Pegawai Penerima

## TATACARA BERKAITAN BUKTI HUTANG ("POD") DALAM PROSIDING PENGGULUNGAN SYARIKAT

### TUJUAN

1. Arahan ini bertujuan untuk memberi garis panduan mengenai tatacara pemeriksaan bukti hutang atau *'proof of debt'* (POD) dalam prosiding penggulungan syarikat.

### LATAR BELAKANG

2. Penyediaan laporan ini bertujuan untuk meneliti dan memperkemas tatacara berkaitan pembuktian hutang dalam pentadbiran penggulungan syarikat, selaras dengan keperluan perundangan semasa dan amalan terbaik pentadbiran insolvensi.

3. Selain daripada itu, penyediaan arahan ini juga bertujuan untuk mewujudkan keseragaman dalam amalan dan prosedur berkaitan pembuktian hutang di semua cawangan Jabatan Insolvensi Malaysia (MdI).

### DOKUMEN / NOTIS STATUTORI YANG DIGUNAKAN UNTUK MEMPROSES POD

4. Antara ketidakseragaman amalan yang dikenal pasti termasuklah penggunaan dokumen untuk mengeluarkan akuan penerimaan POD *(acknowledged receipt of POD)*, keputusan untuk mengakui sepenuhnya tuntutan, penolakan tuntutan, serta penolakan sebahagian sahaja daripada jumlah tuntutan yang dikemukakan di dalam POD.

5. Kaedah 92 Kaedah-kaedah penggulungan syarikat 1972 (KPS 1972) memperuntukkan seperti berikut :-

> ***92. Examination of proof***
> *The liquidator shall examine every proof of debt lodged with him and grounds of the debt, and shall in writing admit or reject it, in whole or in part, or require further evidence in support of it. If he rejects a proof he shall state in writing in Form 59 to the creditor the grounds of the rejection.*

6. Menurut peruntukan undang-undang di atas, tindakan menolak tuntutan POD sepenuhnya atau sebahagian adalah diwajibkan menggunakan notis statutori iaitu dalam format Borang 59 KPS 1972 bagi memaklumkan kepada pemiutang sebab-sebab penolakan tersebut.

7. Sebaliknya, bagi tindakan mengakui tuntutan dalam POD, tiada notis statutori yang ditetapkan tetapi pemakluman kepada pemiutang hendaklah dibuat secara bertulis.

8. Bagi tujuan keseragaman, cawangan-cawangan hendaklah menggunakan notis statutori / dokumen-dokumen seperti berikut :-

| **Bil.** | **Perkara** | **Cawangan** | **Perkara / lampiran** |
|---|---|---|---|
| i. | Akuan penerimaan POD *(acknowledged receipt of POD).* | Semua cawangan. | Memadai dengan menurunkan cop penerimaan sahaja dan kemukakan satu salinan POD (yang telah dicop terima) kepada pemiutang. |
| ii. | Mengakui tuntutan dalam POD sepenuhnya . | Semua cawangan. | **Lampiran A** |
| iii. | Penolakan tuntutan POD sepenuhnya. | Semua cawangan di Semenanjung Malaysia. | **Lampiran B** |
| iv. | Penolakan tuntutan POD sepenuhnya. | Semua cawangan di Sabah dan Sarawak. | **Lampiran C** |
| v. | Menolak sebahagian tuntutan di dalam POD. | Semua cawangan di Semenanjung Malaysia. | **Lampiran D** |
| vi. | Menolak sebahagian tuntutan di dalam POD. | Semua cawangan di Sabah dan Sarawak. | **Lampiran E** |

## PELAKSANAAN

9. Oleh yang demikian, cawangan-cawangan hendaklah mematuhi pemakaian notis statutori / dokumen-dokumen sebagaimana yang ditetapkan di atas.

## KUAT KUASA

10. Arahan ini berkuatkuasa pada tarikh ia dikeluarkan dan mana-mana arahan terdahulu yang dikeluarkan berkaitan dengan POD termasuk semua e-mel yang pernah dikeluarkan berhubung pemakaian dokumen untuk memproses POD sebelum ini adalah terbatal.

**(DATO' ISHAK BIN BAKRI)**
Pegawai Penerima
Jabatan Insolvensi Malaysia
Tarikh : 26.1.2026

**LAMPIRAN A**

Ruj. Tuan : ...............................
Ruj Kami : ...............................
Tarikh : ...............................

Tetuan ...........................
Peguambela & Peguamcara
.......................................
.......................................
.......................................
.......................................

Tuan,

**DALAM MAHKAMAH TINGGI (*MALAYA / SABAH DAN SARAWAK) DI......................**
**DALAM PENGGULUNGAN SYARIKAT NO. .........................**
**BERKENAAN : ...............................................**
**PEMIUTANG : ...............................................**
**PER : PERAKUAN DIVIDEN BORANG BUKTI HUTANG**

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas dan Borang Bukti Hutang yang telah difailkan oleh pihak tuan bertarikh ................ ('BBH tersebut') adalah berkaitan.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Pegawai Penerima selaku penyelesai bagi syarikat .................... telah menerima dan memperakui BBH tersebut sepenuhnya sebanyak RM................. .

Sekian, terima kasih.

**"MALAYSIA MADANI"**

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menjalankan amanah,

(......................................................)
Penolong Pegawai Penerima
b.p. Pegawai Penerima dan Pelikuidasi

**LAMPIRAN B**

Borang 59
(Kaedah 92)

**DALAM MAHKAMAH TINGGI MALAYA DI ......xxxxxxxx......**
**PENGGULUNGAN SYARIKAT NO ...........xxxxxxx..............**

Dalam Perkara ............ Akta Syarikat 2016

Dan

Dalam Perkara ...(No. Syarikat: ....(Baru) /(Lama)

Ex-Parte

............................................. (Co. No.: .... baru.... /......lama....)

**NOTIS PENOLAKAN BUKTI HUTANG**
**(BUKTI HUTANG NO. xx)**

AMBIL perhatian bahawa, sebagai (Pegawai Penerima dan) Penyelesai bagi syarikat dinamakan di atas, saya pada hari ini menolak sepenuhnya tuntutan kamu sebanyak RM xxxxxxxx atas alasan berikut: -

(1) ..............................................
(2) ..............................................
(3) ..............................................

Dan selanjutnya ambil perhatian bahawa tertakluk kepada kuasa Mahkamah untuk melanjutkan masa, tiada permohonan untuk mengakas atau mengubah keputusan saya menolak bukti hutang kamu akan dilayan selepas tamat tempoh dua puluh satu (21) hari dari tarikh ini.

Bertarikh pada ...................................

.........................................................
( )
Penolong Pegawai Penerima
b.p. (Pegawai Penerima dan) Penyelesai
alamat emel pegawai
nombor rujukan cawangan

To: (1) Nama Pemiutang
(Alamat)................
..............................
..............................

(2) Peguam Pemiutang
(Alamat).................

**LAMPIRAN C**

Form 59
(Rule 92)

**IN THE HIGH COURT IN SABAH & SARAWAK AT ......xxxxxxxx......**
**IN WINDING-UP NO ...........xxxxxxx..............**

In the matter of the Companies Act, 2016

And

In the matter of … (Companies No: ...(New) /(Old)

.......Nama Pempetisyen...... (Co. No.: .... baru.... /......lama....)

Ex-Parte

NOTICE TO REJECTION OF PROOF OF DEBT
(PROOF NO. xx)

TAKE notice that, as (Official Receiver and) Liquidator of the above-named company, I have this day rejected your claim against the company, on the following grounds: -

(1) ..................................................
(2) ..................................................
(3) ..................................................

And further take notice that subject to the power of the Court to extend the time, no application to reverse or vary my decision in rejecting your proof will be entertained after the expiration of twenty-one (21) days from this date.

Dated this........................day of............20...............

..........................................................
( )
Assistant Official Receiver
For (Official Receiver and) Liquidator
Emel address
Reference No

To: (1) Nama Pemiutang
(Alamat)...........
..............................
..............................

(2) Peguam Pemiutang
(Alamat).................
..............................
..............................

**LAMPIRAN D**

| Borang 59 (Kaedah 92) |
|---|

**DALAM MAHKAMAH TINGGI MALAYA DI ......................**
**PENGGULUNGAN SYARIKAT NO ............................**

Dalam Perkara ............ Akta Syarikat 2016

Dan

Dalam Perkara …(No. Syarikat: ….(Baru) /(Lama)

............................................ (Co. No.: .... baru.... /......lama....)

Ex-Parte NOTIS PENOLAKAN SEBAHAGIAN BUKTI HUTANG
(BUKTI HUTANG NO. xx)

AMBIL perhatian bahawa, sebagai (Pegawai Penerima dan) Penyelesai bagi syarikat dinamakan di atas, saya pada hari ini menolak sebahagian tuntutan kamu terhadap Syarikat ............... sebanyak RM ................ atas alasan-alasan berikut: -

(A) ...........................
...........................
...........................

(B) ...........................
...........................
...........................

} Masukkan pengiraan POD

Oleh itu, jumlah yang diperakui adalah sebanyak RM .............

Dan selanjutnya ambil perhatian bahawa tertakluk kepada kuasa Mahkamah untuk melanjutkan masa, tiada permohonan untuk mengakas atau mengubah keputusan saya menolak bukti hutang kamu akan dilayan selepas tamat tempoh dua puluh satu (21) hari dari tarikh ini.

Bertarikh pada ..................................

.......................................................
( )
Penolong Pegawai Penerima
b.p. (Pegawai Penerima dan) Penyelesai
alamat emel pegawai
nombor rujukan cawangan

To: (1) Nama Pemiutang
(Alamat)................
..............................
..............................

(2) Peguam Pemiutang
(Alamat)..................
..............................

**LAMPIRAN E**

Form 59
(Rule 92)

**IN THE HIGH COURT IN SABAH & SARAWAK AT ..................**
**IN WINDING-UP NO ...........................**

In the matter of the Companies Act, 2016

And

In the matter of ... (Companies No: ...(New) /(Old)

............................................... (Co. No.: .... baru.... /......lama....)

NOTICE TO REJECTION OF PROOF OF DEBT
Ex-Parte (PROOF NO. xx)

TAKE notice that, as (Official Receiver and) Liquidator of the above-named company, I have this day rejected your claim against the company, (*to the extent of RM* **...........**) on the following grounds: -

(A) ...........................
...........................
...........................

(B) ...........................
...........................
...........................

Masukkan pengiraan POD

Therefore, the admitted sum is RM **............**

And further take notice that subject to the power of the Court to extend the time, no application to reverse or vary my decision in rejecting your proof will be entertained after the expiration of twenty-one (21) days from this date.

Dated this.........................day of............20...............

.......................................................
( )
Assistant Official Receiver
For (Official Receiver and) Liquidator
alamat emel pegawai
nombor rujukan cawangan

To: (1) Nama Pemiutang
(Alamat)...........
..............................
..............................
(2) Peguam
(Alamat).................
..............................